

(Mesyuarat dimulakan pada jam 10.50 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

DOA

Bacaan Perisytiharan Mesyuarat

PERLEMBAGAAN NEGERI SARAWAK

PERISYTIHARAN

**MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KEDUA
PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE LAPAN BELAS**

**TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK**

OLEH TUAN YANG TERUTAMA TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara, Satria Bintang Sarawak, Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati Brunei, Darjah Kerabat Sri Indera Mahkota Pahang, Sri Panglima Darjah Kinabalu, Sri Utama Mahkota Wilayah, Darjah Seri Setia Di Raja Kedah, Darjah Gemilang Seri Melaka, Darjah Panglima Pangkuan Negeri Pulau Pinang, Seri Sultan Salahuddin Aziz Selangor, Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Kelas Pertama, Thai Royal Decoration of Knight Grand Cross First Class, Kartika Eka Paksi Naraya Indonesia, Korean Order of Unification, Honorary Officer of The Order of Australia, Pingat Pengasas Perjuangan Kemerdekaan, Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh perkara 21(1) Perlembagaan Negeri Sarawak bahawa Yang di-Pertua Negeri boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA, TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada saya sebagaimana tersebut di atas.

ADALAH DENGAN INI, memanggil Dewan Undangan Negeri untuk bersidang pada 11 haribulan Mei 2017, jam 9.00 pagi di Dewan Mesyuarat, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching.

DIPERBUAT di bawah tandatangan saya dan Mohor Besar Kerajaan Negeri Sarawak pada 4 April 2017.

Dengan perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak,

Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg,
Ketua Menteri Sarawak.

PERMASYHURAN OLEH TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Bismilahirrahmannirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dif, Dif Kehormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan. Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka kita

dapat berjumpa sekali lagi di Mesyuarat Pertama bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kelapan Belas.

Saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih atas kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat ke persidangan pada kali ini. Persidangan kita akan berlangsung selama lapan hari mulai hari ini, Khamis, 11 hingga Isnin, 22 Mei 2017. Tidak ada mesyuarat pada hari Sabtu dan Ahad 13 dan 14 Mei 2017 dan 20 dan 21 Mei 2017.

Semoga kita dapat bersidang dalam suasana yang muhibah dan penuh bertatertib.

Tuan Speaker: Sidang Dewan yang dihormati sekalian, bagi Dewan yang mulia ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Yang Berhormat bagi N.8 Satok, Yang Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg atas pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak Ke-6 pada 13 Januari 2017 yang lepas. Semoga dengan pelantikan ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan terus membimbing Negeri Sarawak dengan maju, aman dan damai sejahtera.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, Dewan yang mulia ini juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Timbalan-Timbalan Ketua Menteri dan Menteri-Menteri yang telah dilantik sebagai Ahli Kabinet Negeri Sarawak dan Menteri-Menteri Muda pada perlantikan 19 Januari 2017 yang lepas. Dewan yang mulia ini juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti berikut atas perlantikan sebagai Timbalan Menteri, Menteri-Menteri dan Menteri-Menteri Muda pada 7 Mei 2017.

- (a) Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Bin Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri, Menteri Kedua Pembangunan Bandar dan Sumber Asli, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan dan Ahli Yang Berhormat Bagi N.82 Bukit Sari;
- (b) Yang Berhormat Datuk Haji Talib Bin Zulpilip, Menteri di Pejabat Ketua Menteri, (Integriti dan Ombudsman) dan Ahli Yang Berhormat bagi N.67 Jepak;
- (c) Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Ahli Yang Berhormat bagi N.15 Asajaya;
- (d) Yang Berhormat Encik Abdullah Bin Haji Saidol, Menteri Muda Hal Ehwal Korporat dan Ahli Yang Berhormat bagi N.42 Semop;
- (e) Yang Berhormat Encik Snowdan Lawan, Menteri Muda Belia dan Sukan dan Ahli Yang Berhormat bagi N.30 Balai Ringin.

Dewan yang mulia ini, turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Amar Datin Patinggi Hajah Jamilah Binti Haji Anu dan Barisan Nasional atas kemenangan besar dalam Pilihan Raya Kecil N.3 Tanjung Datu pada 18 Februari 2017 yang lalu. Semoga dengan kemenangan ini, Ahli Yang Berhormat Tanjung Datu dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di kawasan dan rakyat Negeri Sarawak amnya. Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Haji Adenan Bin Haji Satem yang telah kembali ke Rahmatullah pada 11 Januari 2017 yang lepas. Allahyarham Datuk Patinggi merupakan Ketua Menteri Sarawak Kelima, Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak N.3 Tanjung Datu, bekas Menteri Kabinet Negeri dan Persekutuan dan bekas Ahli Parlimen bagi Batang Sadong. Bagi menghormati dan memperingati Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Haji Adenan bin Haji Satem marilah kita bersama-sama berdiri bertafakur selama seminit dengan mengucap al-Fatihah bagi yang beragama Islam ... *(Pause)*

Tuan Speaker: Terima kasih. Sidang Dewan yang dihormati sekalian, dengan ini juga saya ingin memaklumkan perlantikan Encik Semawi Bin Mohamad sebagai Setiausaha Dewan Undangan Negeri dan Cik Sharifah Shazzea Binti Wan Akil sebagai Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak seperti diperuntukkan oleh perkara 22A(1) Perlembagaan Negeri Sarawak.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, sukacitanya saya memaklumkan bahawa, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak akan hadir untuk menyampaikan ucapan kepada Sidang Dewan pada pagi ini. Dengan itu, saya akan menanggungkan mesyuarat Dewan sebentar untuk membolehkan saya mengiringi keberangkatan masuk Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud Yang Di-Pertua Negeri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib ke dalam Dewan.

(Tuan yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, diiringi oleh Tuan Speaker, Timbalan Speaker, Setiausaha Dewan dan Bentara Mesyuarat masuk ke Dewan Mesyuarat)

**UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK
TUN PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD**

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita dapat bersama lagi pada Istiadat Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sarawak Yang Kelapan Belas. Saya berharap persidangan kali ini akan berjalan dengan lancar dalam suasana yang sopan, tertib dan berhemah.

**UCAPAN TAHNIAH ATAS PERTABALAN SULTAN MUHAMMAD KELIMA SEBAGAI
YANG DI-PERTUAN AGONG YANG KELIMA BELAS**

Tuan Speaker, pertama sekali, patik bagi pihak rakyat jelata Sarawak merakamkan junjungan kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Sultan Muhammad Kelima atas pertabalan Seri Paduka sebagai Yang Di-Pertuan Agong Malaysia yang kelima belas. Patik bagi pihak rakyat jelata Sarawak juga menjunjung kasih dan ikrar taat setia Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Patik dan rakyat sekalian akan sentiasa mendoakan supaya di bawah pemerintahan Tuanku, Malaysia akan terus aman dan makmur.

**UCAPAN TAHNIAH ATAS PELANTIKAN YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI
SARAWAK DATUK AMAR ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI
BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG**

Tuan Speaker, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg atas pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak yang baru, menggantikan Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Adenan bin Haji Satem.

Saya percaya seluruh kepimpinan Negeri akan terus memberikan kerjasama dan sokongan yang padu kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya yakin dengan pengalaman beliau yang luas dalam bidang politik dan pentadbiran, kestabilan politik dan

kesinambungan pembangunan di Negeri ini akan dapat terus kita jalankan dengan cukup jayanya.

UCAPAN TAHNIAH KEPADA BARISAN NASIONAL ATAS KEMENANGAN DALAM PILIHANRAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI N.3 TANJUNG DATU

Tuan Speaker, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Barisan Nasional Negeri Sarawak atas kemenangan dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri N.3 Tanjung Datu baru-baru ini.

Kemenangan ini membuktikan kepercayaan rakyat kepada Barisan Nasional untuk terus menerajui kepimpinan di Negeri Sarawak termasuklah di kawasan Tanjung Datu. Mandat yang besar ini turut menggambarkan jasa bakti dan legasi pembangunan Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Adenan bin Haji Satem, masih teguh dalam ingatan rakyat Sarawak, khususnya penduduk di kawasan N.3 Tanjung Datu.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SURUHANJAYA PILIHANRAYA ATAS KEJAYAAN MENGENDALIKAN PILIHANRAYA KECIL DENGAN LANCAR

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia kerana telah mengendalikan Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri N.3 Tanjung Datu dengan begitu cemerlang dan teratur sekali. Suruhanjaya Pilihan Raya dan semua pihak yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan kerjasama yang baik dalam memastikan kelancaran Pilihan Raya Kecil ini.

Kita bersyukur, pilihanraya ini telah berjalan dengan aman dan lancar tanpa sebarang insiden yang tidak diingini. Keadaan ini menggambarkan kematangan rakyat Negeri Sarawak dalam menunaikan tanggungjawab mereka sebagai rakyat untuk memilih pemimpin di Negeri ini mengikut perlembagaan dan dalam keadaan yang aman.

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA ALLAHYARHAM DATUK PATINGGI TAN SRI ADENAN BIN HAJI SATEM, MANTAN KETUA MENTERI SARAWAK

Tuan Speaker, saya dengan dukacitanya, mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Adenan bin Haji Satem, atas pemergian Allahyarham ke rahmatullah pada 11 Januari 2017. Kita berdoa dan berharap semoga ahli keluarga Allahyarham sentiasa tabah menghadapi dugaan ini.

Sesungguhnya pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar kepada negara amnya dan Negeri Sarawak khususnya. Segala jasa bakti, perjuangan dan pengorbanan Allahyarham akan sentiasa dikenang dan menjadi contoh dan teladan kepada pemimpin dan rakyat Sarawak dalam memacu pembangunan Negeri ke tahap yang semakin tinggi.

UCAPAN TERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN DAN JASA ALLAHYARHAM DATUK PATINGGI TAN SRI ADENAN BIN HAJI SATEM, MANTAN KETUA MENTERI SARAWAK

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Adenan bin Haji Satem, atas sumbangan dan jasa bakti beliau kepada Negeri ini. Allahyarham merupakan seorang pemimpin yang sangat disegani oleh kawan dan lawan kerana kewibawaan, keberanian dan ketegasan beliau dalam memperjuangkan hak dan kepentingan Negeri Sarawak. Beliau juga lantang memperjuangkan kebajikan rakyat Sarawak tanpa mengira bangsa dan agama selaras dengan teras perjuangan beliau sebagai Ketua Menteri untuk semua kaum.

Sungguhpun menjadi Ketua Menteri dalam tempoh yang agak singkat, kepimpinan Allahyarham memberi kesan yang begitu besar kepada rakyat Sarawak. Ini terbukti apabila Allahyarham berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif, program dan projek pembangunan yang bersifat *people centric*. Saya yakin 53 Prinsip dan tindakan yang dilaksanakan oleh Allahyarham telah dinikmati oleh semua lapisan rakyat kita.

Tuan Speaker, Allahyarham akan terus dikenang sebagai seorang pemimpin yang tegas dalam memperjuangkan hak-hak autonomi Negeri serta mengusulkan pengembalian kuasa daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri selaras dengan apa yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia tahun 1963. Semasa pentadbiran Allahyarham juga, projek infrastruktur terbesar di Negeri ini iaitu Projek Lebuh raya Pan Borneo dapat dilaksanakan dengan cukup baik.

KESINAMBUNGAN PERALIHAN KUASA MENUNJUKKAN KEMATANGAN DAN KESTABILAN POLITIK DI SARAWAK

Tuan Speaker, kestabilan politik merupakan tunjang kepada pentadbiran dan pembangunan Negeri kita. Kita bersyukur proses peralihan pucuk kepimpinan Kerajaan Negeri telahpun berjalan dengan licin, aman dan sempurna. Saya percaya ini adalah manifestasi kepimpinan Barisan Nasional yang senantiasa mendahulukan kepentingan rakyat untuk kesinambungan pembangunan di Negeri ini.

KEYAKINAN TERHADAP KEPIMPINAN YANG AMAT BERHORMAT DATUK AMAR ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG

Tuan Speaker, pelantikan Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg sebagai Ketua Menteri Sarawak yang ke-6, menggambarkan kematangan kepimpinan politik Negeri Sarawak dalam memastikan kestabilan politik yang berterusan di Negeri ini. Pelantikan beliau adalah bersesuaian dengan pengalaman beliau yang luas dalam politik dan pentadbiran Negeri Sarawak. Saya percaya pengalaman beliau yang luas itu akan menguntungkan pembangunan kita pada masa akan datang.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mempunyai hubungan yang amat baik. Saya gembira kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri juga mempunyai hubungan yang baik dengan kepimpinan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Ini akan memudahkan Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan lebih rapat dan menerima sokongan yang padu daripada Kerajaan Persekutuan dalam merancang dan melaksanakan agenda pembangunan Negeri kita.

Saya yakin hubungan yang baik ini akan memberi lebih ruang kepada beliau untuk meneruskan usaha memperjuangkan hak dan kepentingan Sarawak di peringkat Persekutuan. Saya percaya di bawah kepimpinan beliau masa depan Sarawak akan terus berkembang maju dan makmur.

PEMBANGUNAN YANG MESRA RAKYAT

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mendahulukan kepentingan rakyat dalam setiap rancangan pembangunan yang dilaksanakan. Pelan-pelan pembangunan seperti *Socio-Economic Transformation Plan (SETP)*, *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* dan Pelan Ekonomi Digital adalah bersifat *people centric*. Ini bertunjangan objektif untuk mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat melalui penyampaian dan penyediaan akses kepada keperluan asas serta membuka lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan.

Seperti sudah terbukti di Negeri kita ini, saya yakin segala perancangan dalam pelan ini telah disusun rapi untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Pada masa ini kita sedang berada di tahun kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya menyeru agar semua agensi Kerajaan dapat memastikan projek-projek yang telah diluluskan dapat disiapkan untuk dinikmati oleh rakyat kita.

MENUNAIKAN HARAPAN RAKYAT – MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGERI SARAWAK

PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI

Tuan Speaker, dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, kita harus mengambil langkah-langkah yang strategik untuk memacu pertumbuhan ekonomi Negeri Sarawak. Saya bersyukur ekonomi Negeri kita masih terus berkembang dengan kadar inflasi yang rendah pada tahun lepas. Kadar pertumbuhan ekonomi Negeri Sarawak dijangka terus kukuh dan berkembang sekitar 3.5 hingga 4.0 peratus dalam tahun 2017 seiring dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Manakala kadar inflasi pula pada tahap yang rendah iaitu di bawah 3.0 peratus.

JAWATANKUASA KABINET NEGERI

Tuan Speaker, program Transformasi Kerajaan Negeri mempunyai pelan jangka masa panjang sehingga tahun 2030 dan disusuli dengan pelan tindakan strategik yang komprehensif untuk memastikan ekonomi Negeri Sarawak berada pada landasan yang tepat.

Saya yakin dengan penubuhannya tiga Jawatankuasa Kabinet iaitu Transformasi Sosio-Ekonomi, Transformasi Luar Bandar dan Transformasi Prestasi dan Penyampaian Perkhidmatan akan memastikan segala inisiatif dalam Program Transformasi Kerajaan Negeri akan dilaksanakan dengan jayanya.

Saya juga menyeru semua pihak memainkan peranan masing-masing dan memberi komitmen yang tinggi dalam merealisasikan objektif pembangunan Negeri Sarawak ke arah menjadi Negeri maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

RUNDINGAN ROYALTI MINYAK DENGAN PETRONAS

Tuan Speaker, saya dimaklumkan bahawa rundingan royalti minyak antara Kerajaan Negeri dengan PETRONAS diadakan secara aktif. Melalui rundingan ini banyak perkara boleh kita capai untuk memberi manfaat kepada pembangunan sosio-ekonomi Negeri Sarawak. Saya percaya rundingan ini dapat dijalankan dengan lancar kerana adanya hubungan yang baik di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

LONJAKAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI YANG KREATIF DAN INOVATIF

MENGUKUHKAN ASAS EKONOMI KE ARAH EKONOMI YANG LEBIH MATANG

Tuan Speaker, sumber semula jadi Negeri Sarawak perlu kita uruskan secara mampan. Oleh itu, kita harus memperkukuhkan asas ekonomi Negeri ke rangkaian nilai yang lebih tinggi dan mempelbagaikan aktiviti terutama sekali yang berasaskan kekayaan sumber semulajadi di Negeri kita ini.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan Negeri untuk melaksanakan beberapa inisiatif baru dalam pembangunan ekonomi. Dalam menangani kepesatan pembangunan teknologi, keputusan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembangunan ekonomi digital adalah tepat

pada masanya. Dalam usaha kita untuk terus bersaing di peringkat antarabangsa, kita harus memodenkan ekonomi Negeri dengan mempertingkatkan pelaburan termasuklah dalam ekonomi digital.

EKONOMI DIGITAL DAN INFRASTRUKTUR ICT

Tuan Speaker, bagi memastikan Negeri Sarawak terus maju ke hadapan, kita harus bergerak seiring dengan perkembangan di peringkat global. Kita sedar perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT di peringkat global adalah semakin canggih dan pantas. Malahan ICT kini menjadi teras pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, kita haruslah mempersiapkan rakyat Negeri ini agar dapat merebut peluang dalam ekonomi digital.

Penerokaan ekonomi digital akan menjadi sumber pertumbuhan ekonomi yang baru untuk Negeri Sarawak. Ia sudah pasti akan membuka lebih banyak peluang kepada rakyat khususnya golongan muda untuk turut serta dalam perniagaan bentuk baru seperti *e-commerce* dan *e-learning* yang mempunyai pasaran yang begitu luas dan terbuka di peringkat global.

Tuan Speaker, Pembangunan infrastruktur ICT yang lengkap adalah penting untuk menjayakan pembangunan ekonomi digital. Dalam hal ini, saya gembira kerana Kerajaan Negeri akan memperluaskan infrastruktur ICT bukan hanya di kawasan Bandar tetapi juga ke kawasan luar bandar. Langkah ini amat penting untuk mengurangkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Rakyat khususnya golongan muda haruslah lebih kreatif, inovatif dan bijak dalam menggunakan platform ICT untuk menjalankan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi masing-masing. Kerajaan Negeri telah merancang pelbagai inisiatif berasaskan ICT untuk memperlengkapkan rakyat bagi menghadapi era ekonomi digital seperti pembangunan *Digital Village*, *e-Commerce* dan *e-Learning*. Saya menyeru semua rakyat terutama sekali golongan belia untuk mengambil peluang daripada inisiatif ini bagi menambahkan pendapatan.

MENERUSKAN USAHA PENGUKUHAN SEMUA SEKTOR EKONOMI NEGERI – INDUSTRI PERKHIDMATAN

Tuan Speaker, Negeri Sarawak terus berjaya menarik kehadiran lebih ramai pelancong. Sektor pelancongan sangat penting kerana ia merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Negeri dan berupaya membuka banyak peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat. Usaha hendaklah diteruskan untuk membangunkan sektor pelancongan dari segi infrastruktur, produk pelancongan, modal insan serta mempergiatkan promosi Sarawak sebagai destinasi pelancongan yang menarik di mata dunia.

INDUSTRI NILAI TAMBAH (INDUSTRI HILIRAN BERTEKNOLOGI TINGGI)

Tuan Speaker, perkembangan pantas teknologi serta penyelidikan telah membawa kepada perubahan drastik dalam pembangunan perindustrian di seluruh dunia. Kita harus bergerak seiring dengan pembangunan industri global bagi memastikan Negeri Sarawak terus mampu menarik pelaburan berskala besar dalam industri berteknologi tinggi.

Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan terhadap pembangunan industri hiliran yang mempunyai nilai tambah dan berteknologi tinggi. Di bawah pembangunan SCORE, kita telah berjaya menarik banyak industri yang mengeluarkan produk asas yang merupakan komponen atau input yang boleh menarik industri hiliran yang bernilai tinggi.

Saya yakin industri-industri yang sudah ada di Taman Perindustrian Samalaju akan dapat membangunkan kluster masing-masing, dengan lebih banyak industri hiliran yang dipelawa untuk melabur di Negeri ini.

PEMODENAN SEKTOR PERTANIAN

Tuan Speaker, kita mempunyai potensi yang tinggi dalam pembangunan sektor pertanian. Sektor pertanian merupakan tunjang pembangunan sosio-ekonomi rakyat, khususnya di kawasan luar bandar. Saya menyeru agar golongan yang terlibat dalam sektor pertanian dapat membangunkan sektor ini secara moden dan komersil.

Saya bersyukur Kerajaan Negeri terus memberi perhatian untuk memajukan sektor pertanian secara komersil untuk meningkatkan eksport serta menjamin *food security* Negeri ini. Pembangunan infrastruktur pertanian dan sistem aplikasi yang moden, disokong oleh sistem pengurusan dan pemasaran yang strategik akan membolehkan sektor pertanian untuk terus menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi di Negeri kita ini.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Tuan Speaker, penyelidikan dan pembangunan atau R&D adalah penting untuk merangsang pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Negeri Sarawak. Penemuan-penemuan daripada aktiviti R&D boleh dikomersilkan dan menjadi asas kepada peningkatan nilai produk yang lebih tinggi dalam rantai ekonomi. Saya berharap Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian terhadap aktiviti *Research and Development* untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi Negeri Sarawak.

TRANSFORMASI LUAR BANDAR

Tuan Speaker, saya gembira kerana kawasan luar bandar telah dibangunkan dengan pelbagai kemudahan infrastruktur melalui pelaksanaan *Rural Transformation Projects* (RTPs) yang bersifat *people centric*.

Pembangunan infrastruktur seperti jaringan perhubungan jalan raya, bekalan air dan elektrik serta telekomunikasi merupakan pemangkin kepada pembangunan di kawasan luar bandar. Pendekatan pembangunan yang lebih tersusun di kawasan luar bandar akan memberi impak kepada peningkatan taraf sosio – ekonomi penduduk setempat.

Usaha transformasi kawasan luar bandar juga meliputi peningkatan perkhidmatan Kerajaan. Saya gembira kerana Bahagian-Bahagian, Daerah-Daerah dan Daerah-Daerah Kecil yang baru ditubuhkan pada tahun 2015 telah mula beroperasi. Ini akan memudahkan rakyat untuk berurusan dengan Kerajaan.

KESEJAHTERAAN BANDAR

Tuan Speaker, proses urbanisasi di Negeri Sarawak semakin pesat. Lebih daripada separuh penduduk Negeri ini kini tinggal di kawasan bandar. Bandar-bandar utama seperti Kuching, Miri, Sibuan dan Bintulu terus menjadi tumpuan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan, pendidikan, peluang perniagaan dan pekerjaan serta tempat kediaman.

Proses urbanisasi yang pesat ini perlu kita tangani dengan bijak supaya kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara. Saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat dengan perancangan dan pembangunan bandar supaya sentiasa mendahulukan keperluan rakyat. Ini termasuklah penyediaan lebih banyak perumahan mampu milik ataupun *affordable housing*, sistem pengangkutan awam yang lebih baik dan kawasan rekreasi.

Tuan Speaker, akses kepada infrastruktur dan kemudahan moden ini sudah tentu akan mengubah gaya hidup penduduk di kawasan bandar yang semakin kompleks. Saya berharap kita akan terus mempertahankan adat dan tradisi, mengekalkan semangat kekitaan dan saling menghormati untuk memastikan kesejahteraan hidup penduduk di kawasan bandar akan terus terpelihara selaras dengan konsep *Liveable City*.

KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Tuan Speaker, di samping kestabilan politik dan ekonomi, keselamatan juga memainkan peranan yang penting untuk menjamin kemakmuran Negeri ini. Saya menyeru semua pihak yang bertanggungjawab untuk mempertingkatkan usaha menjaga keselamatan dan ketenteraman awam di Negeri kita ini. Kita harus memastikan Negeri ini bebas daripada pelbagai masalah sosial dan elemen negatif yang boleh mengganggu progres pembangunan kita.

Gejala-gejala sosial perlu ditangani dengan lebih berkesan. Rakyat yang bebas dari masalah sosial akan mampu untuk terus mendukung pembangunan Negeri ini. Pembangunan institusi kekeluargaan yang kukuh, masyarakat yang penyayang dan bertanggungjawab perlu diterapkan di pelbagai peringkat, khususnya di kalangan generasi muda kita.

PERPADUAN DAN KEHARMONIAN TONGGAK KEKUATAN SARAWAK

Tuan Speaker, saya bersyukur kerana Negeri Sarawak sentiasa dalam keadaan aman dan damai. Rakyat di Negeri ini hidup bersatu-padu dalam suasana harmoni walaupun berbeza latar belakang kaum, agama dan adat resam.

Perpaduan dan keharmonian yang dinikmati selama ini adalah hasil daripada sikap hormat-menghormati dan semangat saling mempercayai di kalangan rakyat berbilang kaum di Negeri ini.

Perpaduan yang kukuh ini haruslah kita kekalkan dan pelihara sepanjang masa. Saya menyeru kepada semua lapisan rakyat supaya meneruskan budaya perpaduan dalam kepelbagaian ini. (*Unity in Diversity*).

INTEGRITI PENJAWAT AWAM

Tuan Speaker. Perkhidmatan Awam merupakan nadi dan tunjang pentadbiran dan pembangunan Negeri Sarawak. Penjawat awam memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan pentadbiran dan pembangunan Negeri ini dilaksanakan dengan jayanya bagi memenuhi keperluan dan aspirasi rakyat.

Saya menyeru semua penjawat awam untuk terus mengamal dan menerapkan nilai-nilai murni serta mengekalkan segala bentuk penyalahgunaan kuasa dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Nilai-nilai murni seperti integriti dan profesionalisme perlu diterap dan diamal sepanjang masa.

UCAPAN SELAMAT HARI GAWAI DAYAK, SELAMAT BERPUASA DAN SELAMAT HARI RAYA

Tuan Speaker, masyarakat Dayak di Negeri ini akan menyambut perayaan Hari Gawai Dayak tidak lama lagi. Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat Hari Gawai Dayak, Gayu Guru Gerai Nyamai dan Siramat Andu Gawai kepada semua masyarakat Dayak di Negeri Sarawak. Sempena perayaan ini, marilah kita meneruskan

tradisi kunjung-mengunjungi bagi mengeratkan tali silaturrahim dan persahabatan sesama kita.

Kepada semua umat Islam, saya ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa pada bulan Ramadhan. Semoga ibadah puasa yang dilaksanakan ini akan diterima dan dirahmati ganjaran pahalanya oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

PENUTUP

Tuan Speaker, akhir sekali, saya menyeru agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bersidanglah dengan penuh sopan santun dan tatatertib serta sentiasa menghormati kesucian Dewan ini. Jagalah gelaran sebagai Ahli Yang Berhormat dan peliharalah imej dan tingkah laku sepanjang persidangan supaya mencerminkan adab sopan rakyat Negeri Sarawak yang dikenali di seluruh Negara.

Sempena persidangan ini, kemukakanlah isu dan masalah rakyat berserta cadangan yang bernas untuk membantu Kerajaan membela kebajikan rakyat dan meneruskan agenda pembangunan Negeri. Jalankanlah tanggungjawab, tugas dan kewajipan dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan Negeri.

Dengan harapan ini, saya sudahi dengan ucapan selamat bersidang. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Speaker: Sidang Dewan yang dihormati sekalian, bagi pihak Dewan yang mulia ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas ucapan dan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Raghad Kurdi Taib di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kelapan belas pada pagi ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesi bergambar untuk semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak akan diadakan di anjung hadapan bangunan ini sejurus selepas jamuan tengah hari. Dewan akan bersidang semula pada jam 9.00 pagi pada keesokan hari Jumaat, 12 Mei 2017.

[Keberangkatan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Raghad Kurdi Taib meninggalkan Dewan Mesyuarat]

(Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.10 tengah hari)